

## KAEDAH FAN-N-PICK DALAM PEMBELAJARAN SIRAH PENDIDIKAN ISLAM (Fan-N-Pick Method in The Learning of Sirah in Islamic Education)

\* Nur Adibah Liyana Awi<sup>1</sup>, Hafizhah Zulkifli<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [nuradibahliyana03@gmail.com](mailto:nuradibahliyana03@gmail.com)

### Article History:

Submit: 24 March 2020

Accepted: 29 June 2020

Revised: 7 July 2020

Published: 28 December 2020

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 4, No. 2 (2020), 61-69*

### Abstrak

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan satu perubahan baru dalam dunia pendidikan kerana dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. PAK21 juga adalah proses PdPc yang berpusatkan kepada murid dan guru sebagai pembimbing. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami penggunaan kaedah Fan-N-Pick dalam meningkatkan keupayaan mengingat murid dalam pembelajaran sirah Pendidikan Islam. Kajian ini adalah kajian kepustakaan berdasarkan analisis dokumen daripada kajian-kajian lepas. Kaedah Fan-N-Pick merupakan pembelajaran koperatif dan pembelajaran aktif yang melibatkan peranan murid seperti memegang kad-kad berbentuk kipas, memilih dan membacakan soalan, menjawab soalan dan memberi maklum balas serta kata pujian. Secara keseluruhan, kajian ini menerangkan kaedah serta aplikasi penggunaan Fan-N-Pick dalam pembelajaran sirah yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, menjana idea dan melatih murid berfikir, mewujudkan komunikasi dan kerjasama, memupuk elemen kreativiti dan meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Hasil kajian ini diharap dapat membantu murid meningkatkan kefahaman dan ingatan dalam pembelajaran sirah dan para guru dapat mengaplikasikan kaedah ini dalam pengajaran sirah Pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Fan-N-Pick, PAK21, pembelajaran koperatif, pembelajaran aktif, Pendidikan Islam

### Abstract

*21st century learning (PAK21) in the learning and facilitation (PdPc) is a new turning point in the world of education as it is seen to meet the needs of today's education. PAK21 is also a PdPc process that is student-centred and teachers act as mentors. The purpose of this study is to understand the use of Fan-N-Pick method in improving the pupils' memorizing ability in the learning of Sirah in Islamic Education. This study is a literature review based on document analysis from previous studies. The Fan-N-Pick method is a cooperative learning and active learning involving the roles of pupils such as holding fan-shaped cards, selecting and reading questions, answering questions and giving feedback and praises. Overall, this study explains the method and applications of using Fan-N-Pick in the learning of Sirah which can create an active learning environment, generate ideas and train pupils to think, build communication and collaboration, foster elements of creativity and enhance pupils' motivation to learn. The results of this study are intended to help pupils improve their understanding and memory in the learning of Sirah and teachers can apply this method in the teaching of Sirah in Islamic Education.*

**Keywords:** Fan-N-Pick, PAK21, cooperative learning, active learning, Islamic Education

## 1.0 PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia merupakan satu proses berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang. Insan seimbang dan harmonis merangkumi elemen intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Menurut Muhd Fuad (2017), pembentukan insan kamil merupakan tujuan pendidikan yang sebenar. Maka, dilihat insan kamil merupakan insan seimbang dari segi semua aspek yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kini, sistem pendidikan menghadapi transformasi yang bercorakkan pembangunan manusia (Hussein Ahmad & Mohammed Sani 2016, Halim Ariffin 2013). Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin (2017); Abdul Halim et.al (2017); Ainun Rahmah Iberahim et al. (2017) menyatakan agenda pendidikan yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013 iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu bentuk pendidikan ke arah pendidikan abad ke-21 (PAK21). Hal ini menjadi satu titik perubahan taraf pendidikan yang sedia ada yang lebih bersifat fleksibel, kreatif dan mencabar. Etistika et.al (2016) menyatakan PAK21 mementingkan kualiti pembelajaran. Oleh yang demikian, kualiti pembelajaran bergantung kepada pelaksanaan pengajaran yang teratur dan sistematik (Azniwati Abdul Aziz et.al 2016). Hal ini menjadi tanggungjawab semua guru agar berusaha menghasilkan pembelajaran yang efektif dan memenuhi keperluan PAK21 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2008) menyatakan sirah mengandungi pelbagai aspek menyeluruh Nabi Muhammad S.A.W. yang menyentuh kehidupan baginda sebagai seorang suami, pemimpin, guru, murid, ibu bapa dan anak yang dapat dijadikan sebagai panduan oleh umat Islam. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu berusaha menghasilkan pembelajaran sirah yang bermakna dan menarik minat murid apabila mempelajari sirah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Asmawati Suhid et al. (2015), pengajaran bermakna dapat dihasilkan melalui pengajaran yang terbaik. Hasil pengajaran yang berkesan adalah bergantung kepada pedagogi yang dijalankan oleh guru Pendidikan Islam. Pedagogi yang dilaksanakan guru termasuklah merancang, melaksana, menilai dan mereflek. Hal ini membantu murid meningkatkan kefahaman terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Fenomena hari ini melihatkan pelbagai masalah sosial yang muncul dalam kalangan remaja. Hal ini disebabkan oleh remaja menghadapi konflik jati diri dan keteguhan iman (Nurul Eeffah 2016). Maka dapat disimpulkan bahawa murid kurang penghayatan terhadap pembelajaran sirah kerana akhlak Rasulullah tidak menjadi panduan bagi mereka. Oleh yang demikian, hal ini berkait rapat dengan murid, guru dan kaedah pengajaran yang digunakan. Kajian oleh Siti Rohani dan Farid (2016), murid menyatakan tiada yang istimewa dalam pembelajaran sirah. Hal ini secara tidak langsung menjadikan murid tidak berminat mempelajari sirah. Pernyataan ini disokong oleh hasil kajian Jundan (2008) yang mendapati murid tidak berminat mempelajari sirah kerana tiada yang menarik terhadap sirah. Selain itu, murid menyatakan sirah merupakan bidang dalam Pendidikan Islam yang sukar dan membosankan (Norzaharah Yahya 2011). Tambahan lagi, sirah juga sukar untuk difahami kerana terdapat pelbagai elemen dan fakta (Mohd Hakim & Mohd Aderi 2016). Seterusnya, kajian Ahmad Fauzi (2017) mendapati murid masih mengamalkan strategi pembelajaran secara menghafal tanpa memahami fakta sirah. Hal ini menunjukkan pembelajaran aktif tidak berjaya diwujudkan sehingga murid tidak berminat mempelajari sirah.

Pengkaji melihat masalah yang timbul dalam kalangan murid terhadap pembelajaran sirah adalah disebabkan beberapa faktor. Antara faktor yang memberi kesan kepada murid adalah kaedah pengajaran yang dilaksanakan guru Pendidikan Islam. Kajian oleh Jundan (2008), Ab. Halim et al. (2011) dan Zakaria (2012) mendapati pembelajaran sirah yang berlangsung adalah kebanyakannya menggunakan strategi pembelajaran berpusatkan guru. Tambahan lagi, hal ini disokong oleh kajian Ab. Halim et al. (2012) bahawa kaedah penerangan merupakan kaedah dominan yang sering dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam. Selain itu, pembelajaran sirah yang diajar lebih menekankan murid supaya menghafal fakta-fakta penting tanpa murid diberi kefahaman (Norzaharah Yahya 2011). Hal ini mendedahkan murid kepada hafalan semata-mata dan sukar menimbulkan penghayatan dalam diri mereka terhadap Sirah Rasulullah.

Nurul Eeffah (2016) menambah bahawa peranan guru Pendidikan Islam menyampaikan pengajaran hanya sekadar menceritakan sahaja tanpa mengaitkan kehidupan Rasulullah dengan situasi

sekarang. Maka, jelas sekali murid tidak dapat melihat perkaitan dan menganggap sirah hanyalah satu bidang dalam Pendidikan Islam yang perlu dihafal. Seterusnya, menurut Ngasiman (2014), guru Pendidikan Islam yang tidak kreatif dalam pengajarannya akan membuatkan pelajar cepat bosan dan ini akan mengakibatkan pelajar tidak berminat dan tidak bermotivasi. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa peranan guru Pendidikan Islam sangat penting dalam menerapkan minat murid terhadap sirah agar penghayatan dalam diri murid dapat dipupuk.

Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam mestilah berusaha melaksanakan perubahan dalam pengajaran. Kini, sistem pendidikan banyak memasukkan elemen PAK21. PAK21 merupakan satu transformasi yang dilakukan dalam memperbaharui taraf pendidikan yang sedia ada iaitu sistem pendidikan yang lebih bersifat fleksibel, kreatif, mencabar dan lebih kompleks. Antara penerapan PAK21 dalam pembelajaran sirah ialah penggunaan bahan bantu mengajar. Talizaro Tafonao (2018) menyatakan kepentingan bahan bantu pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan pentingnya meningkatkan kemahiran berfikir, tumpuan dan minat murid untuk belajar. Di samping itu, menurut Agus Prastya (2016), perpindahan maklumat antara murid dengan murid, murid dengan guru dapat disampaikan dengan baik kerana bahan bantu mengajar membantu mereka memahami dan menguasai pembelajaran dengan baik. Maka, dapat dilihat guru Pendidikan Islam perlu menyediakan bahan bantu mengajar untuk membantu menarik murid mempelajari sirah.

Selain itu, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kemahiran mengajar Pendidikan Islam sesuai dengan tahap pemikiran murid (Farhatul & Maimun Aqsha 2016). Tambahan lagi, guru Pendidikan Islam juga perlu memupuk pembelajaran aktif dalam proses PdPc. Tengku Sarina (2014) dan Hazzan et al. (2011) menyatakan pembelajaran aktif melibatkan aktiviti berpusatkan murid, aktiviti secara berkumpulan diterima secara meluas sebagai satu pendidikan yang berkualiti. Maka, pengkaji dapat melihat kepentingan pelaksanaan aktiviti PAK21 yang merangkumi penyediaan bahan bantu mengajar, kemahiran atau kaedah guru, pembelajaran aktif, strategi berpusatkan murid dan pembelajaran koperatif diterapkan dalam pembelajaran sirah. Oleh itu, pengkaji mengkaji penggunaan kaedah *Fan-N-Pick* dalam pembelajaran sirah. Berdasarkan kajian-kajian lepas, tiada lagi kajian yang mengkaji secara mendalam tentang penggunaan *Fan-N-Pick* dalam pembelajaran sirah Pendidikan Islam yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini melihat kepada penerapan *Fan-N-Pick* secara menyeluruh dalam proses PdPc pembelajaran sirah. Maka, dilihat kajian ini memberi manfaat kepada murid dan guru dalam PdPc subjek Pendidikan Islam.

### 3.0 FAN-N-PICK

*Fan-N-Pick* merupakan antara salah satu aktiviti pembelajaran abad ke-21 yang menekankan pembelajaran koperatif berpusatkan murid (Noraziah 2019). *Fan-N-Pick* merupakan istilah Bahasa Inggeris yang mempunyai maksudnya tersendiri. *Fan* bermaksud seorang individu yang memegang kad-kad yang berbentuk kipas. *Pick* pula ialah seorang individu yang memilih kad dan membacakan soalan. Dalam melengkapkan aktiviti *Fan-N-Pick*, empat orang murid hendaklah memainkan peranan. Peranan tersebut adalah berbeza dan perlu dimainkan secara berkumpulan. Antara peranan yang perlu dilaksanakan ialah, memegang kad berbentuk kipas, memilih dan membacakan soalan, menjawab soalan dan menilai jawapan (Maariwuth 2014).

Terdapat beberapa elemen yang dimasukkan dalam *Fan-N-Pick*, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kreatif dan kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dalam pembelajaran. Elemen-elemen ini juga merupakan standard asas dalam PAK21. Pada abad ini, pendekatan didik hibur juga menjadi elemen yang diterapkan dalam pembelajaran murid di samping guru menyediakan pembelajaran koperatif dan berpusatkan murid dalam pembelajaran. Kajian Abdul Rasid et al. (2016) dan Shamsudin dan Abdul Rasid (2013) menunjukkan didik hibur merupakan satu teknik dalam pembelajaran yang memberi peluang murid melibatkan diri dalam aktiviti dalam keadaan seronok dan bermakna.

Didik hibur juga merupakan antara kreativiti yang perlu dicungkil oleh guru kerana perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani dapat dibentuk. Hal ini dilihat melalui kombinasi pembelajaran koperatif dan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam menggunakan *Fan-N-Pick* dalam pembelajaran sirah membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik. Maka, dalam konteks kajian ini ialah menekankan kaedah *Fan-N-Pick* yang menekankan pembelajaran koperatif dan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran efektif.

Kagan (1992) menyatakan *Fan-N-Pick* merupakan satu kaedah permainan yang menerapkan pembelajaran koperatif dan mewujudkan interaksi positif dalam kalangan murid. Kagan juga berpendapat pembelajaran ini adalah berbentuk struktural iaitu setiap murid mempunyai peranan masing-masing.

Tambahan lagi, menurut Umi Kalthom dan Ahmad (2014) *Fan-N-Pick* bertujuan mendidik murid dalam kemahiran berfikir dan bekerjasama. Mohd Aderi et al. (2017) menyatakan kemahiran berfikir yang diterapkan dalam aktiviti pembelajaran hendaklah diperkasakan dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Kagan dan Kagan (2009) menjelaskan terdapat empat fungsi dalam penggunaan kaedah *Fan-n-pick* dalam pembelajaran iaitu *Team Building* (membina kerja secara berkumpulan), *Social Skills* (keterampilan dalam bersosial), *Knowledgebuilding* (berilmu pengetahuan) dan *Thinking Skills* (kemahiran berfikir). Hal ini menunjukkan keempat-empat fungsi tersebut hendaklah diberikan penekanan apabila kaedah *Fan-N-Pick* dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam dalam proses PdPc. Selain itu, kajian oleh Maariwuth (2014) menunjukkan terdapat peningkatan terhadap motivasi dan pembelajaran kognitif murid apabila beliau melaksanakan kajian pada kitaran pertama kepada kitaran ketiga yang menggunakan *Fan-N-Pick* dalam pembelajaran. Di samping itu, kerjasama dalam kumpulan berjaya membina satu identiti yang mementingkan semangat berpasukan dalam satu kumpulan. Kajian Kurniawan (2012) menunjukkan pembelajaran *Fan-N-Pick* merupakan pembelajaran yang menarik, bermakna dan dapat meningkatkan motivasi belajar. Tambahan lagi, kajian Frianto (2016) dan Hakim (2012) membuktikan kaedah *Fan-N-Pick* dapat meningkatkan motivasi belajar murid.

Pembelajaran *Fan-N-Pick* merupakan pembelajaran yang menggunakan kaedah penyooalan dalam kalangan murid (Hakim 2012). Secara tidak langsung, kaedah penyooalan yang diterapkan dalam *Fan-N-Pick* mendedahkan murid untuk saling berkongsi pandangan, menambahkan pengetahuan, menambahkan pengalaman dan meningkatkan daya ingatan terhadap isi pelajaran yang telah dipelajari. Riyadi (2016) dalam kajian tentang *Fan-N-Pick* dalam kajian sosial mendapati bahawa penggunaan *Fan-N-Pick* dapat meningkatkan keterampilan sosial. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa *Fan-N-Pick* merupakan salah satu aktiviti yang mendedahkan murid kepada hubungan sosial dan kesannya murid akan belajar bersosial serta menyumbang kepada masyarakat.

### 3.1 Kepentingan Kaedah *Fan-N-Pick*

Penggunaan kaedah *Fan-N-Pick* merupakan kaedah yang dilaksanakan dalam aktiviti pembelajaran abad ke-21. Kepentingan kaedah ini ialah dapat mewujudkan suasana didik hibur dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Menurut kajian oleh Abdul Rasid et al (2016), elemen didik hibur akan memberi perubahan yang lebih efektif dalam proses pembelajaran. Hal ini memberi kepentingan kepada murid agar murid dapat merasai pengalaman serta suasana yang menarik ketika proses pembelajaran berlangsung (A. Rahman 2015). Tambahan lagi, suasana didik hibur dapat dilihat dalam *Fan-N-Pick* kerana kaedah ini berkonsepkan belajar sambil bermain dalam kalangan murid. Hal ini disokong berdasarkan pernyataan Akmariah dan Sofiah (2010), belajar berkonsepkan permainan merupakan suatu aktiviti yang membantu merangsang minat murid untuk belajar.

Seterusnya, kepentingan kaedah *Fan-N-Pick* adalah dapat menjana idea dan melatih murid berfikir aras tinggi. Melalui aktiviti *Fan-N-Pick* dalam Pendidikan Islam, proses kemahiran berfikir aras tinggi dan secara intelek dapat dilihat dalam kalangan murid apabila murid menguji kefahaman terhadap isi pembelajaran, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (Zuriawahida 2016). Maka, kaedah *Fan-N-Pick* jelas sekali dapat membina kemahiran berfikir dan penajanaan idea yang bernas melalui peranan murid yang menjawab dan menilai jawapan yang diberikan. Sebagai contoh, sirah lebih memberi fokus kepada penghayatan terhadap peristiwa yang berlaku. Apabila wujudnya persoalan mengenai penghayatan, secara tidak langsung, murid akan berfikir mengenai impak peristiwa yang berlaku. Peranan murid yang menilai jawapan murid lain akan berfikir sama ada idea yang diberikan oleh peranan murid yang menjawab dapat diterima atau diberi cadangan lain.

Selain itu, antara kepentingan yang lain ialah, murid dapat berkomunikasi dan bekerjasama ketika melaksanakan *Fan-N-Pick*. Komunikasi merupakan suatu proses pertukaran maklumat daripada individu kepada individu yang lain. Namun, dalam konteks pendidikan, komunikasi merupakan elemen yang amat penting dalam pelaksanaan objektif pembelajaran. Dalam hal ini, komunikasi antara murid dalam berkongsi ilmu pengetahuan, memilih, menjawab dan menilai soalan dapat dibuktikan dalam aktiviti *Fan-N-Pick* dalam pembelajaran sirah Pendidikan Islam. Menurut Raja Abdullah & Daud Ismail (2018), komunikasi yang berkesan dan baik merupakan suatu keterampilan yang tinggi dan harus dipupuk dalam kehidupan seharian. Impaknya, nilai kerjasama dapat diwujudkan dalam kalangan murid.

Di samping itu, elemen kreativiti juga dapat dibentuk dalam kaedah *Fan-N-Pick*. Hal ini kerana aktiviti ini turut mempamerkan unsur kreatif dan kritis dalam usaha menarik minat murid dan menambah kefahaman murid terhadap pembelajaran sirah. Kajian Muhamad Zaki et al. (2013) mendapati kreativiti merupakan proses mereka cipta dan memupuk nilai inovasi dalam diri individu. Hal ini dibuktikan melalui pemilihan guru Pendidikan Islam melaksanakan aktiviti yang mempunyai unsur kreatif seperti penggunaan

*Fan-N-Pick* dalam pembelajaran sirah. Torrance (1961) menjelaskan lima prinsip pengajaran kreatif iaitu, a) menghormati soalan serta idea murid, b) mempamerkan nilai idea murid, c) memberi keizinan murid melaksanakannya sendiri d) menilai hasil mereka dan e) guru membuat perkaitan dengan sebab dan akibat. Tambahan lagi, aktiviti kreativiti dilakukan mengikut tahap. Tahap pertama melibatkan aktiviti menarik tumpuan murid, tahap kedua menganalisis hasil penilaian murid dan tahap ketiga mempamerkan kegigihan mereka (Torrance & Safter 1990). Maka, berdasarkan pendapat sarjana Torrance dan Safter, penulis dapat melihat unsur kreativiti turut diterapkan dalam kaedah *Fan-N-Pick*. Oleh itu, sewajarnya guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah *Fan-N-Pick* dalam pengajaran sebagai salah satu aktiviti yang menerapkan unsur kreativiti.

Sehubungan dengan itu, kaedah *Fan-N-Pick* dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Hal ini dapat dilihat melalui peranan murid yang menilai jawapan dan memberikan kata-kata pujian. Kata-kata penegasan positif tetap diberikan walaupun murid yang menjawab soalan menyatakan jawapan yang tidak tepat. Secara tidak langsung, motivasi murid akan meningkat. Purwanto (2013) menegaskan motivasi merupakan usaha yang dilakukan dan memperngaruhi tingkah laku seseorang untuk mencapai hasil tertentu. Sanjaya (2014) dalam kajiannya mendapati pembelajaran koperatif seperti *Fan-N-Pick* dapat meningkatkan motivasi belajar murid kerana murid bermotivasi antara satu sama lain untuk memahami dan menjawab soalan berdasarkan isi pembelajaran. Seperkara lagi, kaedah *Fan-N-Pick* juga sesuai dijadikan sebagai latihan penguasaan terhadap topik yang dipelajari. Soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan topik dan murid diberi peluang mengulangkaji pelajaran. Murid juga dapat belajar bersama-sama dan saling bertukar fikiran. Di sini memperlihatkan nilai kerjasama dapat dipupuk dalam diri murid.

Kepentingan kaedah *Fan-N-Pick* juga membuktikan peranan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing. Hal ini membuka ruang pertukaran idea dan pengetahuan antara murid untuk memperoleh penyelesaian, mencipta dan mencapai matlamat pembelajaran (James Ang Jit Eng 2017). Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab membimbing murid dengan menerangkan cara pelaksanaan *Fan-N-Pick*. Seterusnya, guru Pendidikan Islam memberi arahan kepada murid dan bijak mengawal pengurusan kelas dengan baik semasa murid melaksanakan aktiviti *Fan-n-pick*. Hasfarina Abas (2012) menjelaskan antara ciri pengurus bilik darjah yang baik ialah melakukan pemantauan terhadap tingkahlaku dan hasil kerja murid. Guru Pendidikan Islam membimbing setiap jawapan yang diberikan oleh murid dan memastikan objektif pembelajaran tercapai serta murid memahami setiap soalan yang dinyatakan. Selaras dengan itu, guru Pendidikan Islam berperanan membimbing murid mengenai penerapan nilai murni. Penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ialah elemen nilai murni dan etika serta dimasukkan dalam enam aspirasi murid. Penghayatan dan pembudayaan nilai dalam diri murid adalah sangat penting. Oleh yang demikian, peri pentingnya guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing dalam membentuk nilai-nilai murni yang positif dalam diri murid. Maka, jelas membuktikan kaedah *Fan-N-Pick* turut menunjukkan guru Pendidikan Islam sebagai agen pembimbing murid.


### 3.2 Aplikasi Pelaksanaan *Fan-N-Pick*

*Fan-N-Pick* merupakan antara salah satu elemen kreativiti dan pembelajaran koperatif dalam aktiviti PAK21. Pembelajaran koperatif adalah melibatkan kerjasama antara murid dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Penggunaan aktiviti *Fan-N-Pick* dilihat dapat melahirkan kolaborasi antara murid. Oleh itu, dalam mendepani arus pendidikan ke arah pendidikan abad ke-21, amalan pengajaran yang kreatif dan memupuk semangat kolaborasi antara murid perlu diaplikasikan oleh guru Pendidikan Islam untuk mencapai objektif pengajaran dan pemudahcaraan (Siti Aisyah & Hafizhah 2020).

*Fan-N-Pick* menggunakan kaedah penyoalan yang melibatkan peranan empat orang murid dalam satu masa. Langkah-langkah pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan *Fan-N-Pick* menurut Kagan (2009) adalah seperti berikut:

- a) Pada peringkat permulaan, semua murid mendengar penerangan dan pengajaran guru mengenai sesuatu tajuk. Peringkat ini adalah peringkat murid menerima input-input yang disampaikan guru.
- b) Guru akan meminta wakil murid yang terdiri daripada empat orang murid ke hadapan kelas. Penumpuan terhadap empat orang murid adalah penting dan menjadi peranan guru menarik semua murid agar menumpukan perhatian kepada penglibatan empat orang murid di hadapan.
- c) Guru memberi penerangan terhadap setiap peranan yang dimainkan oleh murid.
- d) Murid disusun dalam satu barisan panjang.
- e) Murid 1 akan diberi kad-kad yang berbentuk kipas dan meminta murid 2 memilih satu sahaja kad tersebut.

- f) Murid 2 akan membacakan soalan daripada kad dan memberi masa lima minit kepada murid 3 untuk menjawab.
- g) Murid 3 menjawab soalan yang diberikan.
- h) Murid 4 mendengar, menilai jawapan dan menyatakan kata pujian. Walaupun soalan yang dijawab tidak tepat, kata pujian dan galakan perlu juga diberikan dan murid 4 menyatakan jawapan.
- i) Guru memberikan ulasan dan memberikan peluang kepada murid lain mencuba aktiviti *Fan-N-Pick*.



Rajah 1: Peranan Murid dan Cara Pelaksanaan Kaedah *Fan-N-Pick* (Kagan 2009)

### 3.3 Contoh Pelaksanaan *Fan-N-Pick* dalam PdPc Pendidikan Islam

Jadual 1.0: Rancangan Pengajaran Harian Pendidikan Islam Tahun 5

Tajuk: Pembentukan Negara Madinah

Minggu	9	TARIKH	26.02.2020	HARI	RABU
Masa	11.10-12.10	KELAS	5 AKRAB	BIDANG	SIRAH
Tajuk	Pembentukan Negara Madinah				
Standard kandungan	Memahami, mengambil iktibar dan mencontohi tindakan Rasulullah daripada peristiwa Pembentukan Negara Madinah				
Standard pembelajaran	Menghuraikan persaudaraan Muhajirin dan Ansar				
Objektif	Murid dapat: Menyebut pengertian Muhajirin dan Ansar dengan betul. Menghuraikan cara Rasulullah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar dengan betul.				
Kriteria kejayaan	Murid boleh menyatakan pengertian Muhajirin dan Ansar dan dua cara Rasulullah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar dengan betul.				
Pak21	Fan-N-Pick, Brainstorming, Peta i-think				
Emk	EK1 (1.10) Berorientasikan pencapaian				
Pentaksiran	Soal jawab, aktiviti Fan-N-Pick, latihan bertulis				
Bahan bantu mengajar	Kad ayat, kad berbentuk kipas, lembaran kerja				
Langkah	ISI PEMBELAJARAN		AKTIVITI		
Permulaan	Bacaan doa dan kalimah syahadah		1.Murid diminta oleh guru membaca doa dan kalimah syahadah. 2.Murid membaca secara beramai-ramai.		
Set induksi	Lakonan Tema: 'Help Others'		1.Dua orang murid diberi skrip lakonan dan berlakon di hadapan kelas. 2.Murid ditanya oleh guru tentang lakonan dan guru membuat perkaitan dengan tajuk		
Langkah 1	Pengertian Muhajirin dan Ansar		1.Murid mendengar penerangan guru. 2.Murid membaca pengertian Muhajirin dan Ansar berulang-ulang kali secara kelas, kumpulan dan individu. 2.Sesi soal jawab antara guru dan murid.		
Langkah 2	Cara Rasulullah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar Pelaksanaan aktiviti Fan-n-pick		1.Murid didedahkan dengan peta i-think (peta buih). 2. Sumbang saran antara murid dan guru. 3.Guru membina enam soalan berdasarkan isi pelajaran dan membentuk kad-kad menjadi kipas. 4.Empat orang murid diminta ke hadapan. 5.Guru memberi arahan dan menjelaskan peranan yang dilakukan oleh murid-murid tersebut.		

Langkah 3	1.Pengertian Muhajirin dan Ansar Pelaksanaan 2.Cara Rasulullah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar Pelaksanaan aktiviti Fan-n-pick	1.Murid diagihkan kepada 6 kumpulan kecil dan diberikan 6 soalan bagi setiap kumpulan. Kad soalan berbentuk kipas. 2. Empat orang murid dari setiap kumpulan memainkan peranan dalam Fan-n-pick. 3.Setelah itu, pusingan kedua dilakukan bagi murid yang belum melibatkan diri. 4.Pelaksanaan Fan-n-pick secara kumpulan kecil mendedahkan penglibatan keseluruhan murid di dalam kelas. 5.Murid dinilai dan dibimbing oleh guru.
Langkah 4	Latihan bertulis	1.Murid diedarkan lembaran kerja. 2.Murid menyiapkan lembaran kerja dan disemak oleh guru.
Penutup	Mengulang kembali isi pembelajaran	1.Guru menggunakan kaedah soal jawab kepada murid mengenai isi pembelajaran. 2. Murid dibantu oleh guru untuk membuat kesimpulan tajuk yang dipelajari.

Jadual: Rancangan Pengajaran Harian Pendidikan Islam Tahun 5

#### 4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam mendepani arus pendidikan yang sentiasa melaksanakan transformasi demi pendidikan berkualiti, strategi dan keadahan pengajaran guru amat diberi penelitian. Antaranya adalah dengan mewujudkan pembelajaran abad ke-21 dan strategi berpusatkan murid. Berdasarkan kajian ini, pelaksanaan kaedah *Fan-N-Pick* merupakan salah satu kaedah pembelajaran abad ke 21 yang membantu murid memahami peristiwa sirah, mewujudkan kerjasama antara murid dan meningkatkan motivasi murid dalam mempelajari sirah. Secara keseluruhannya, kaedah ini merangkumi pembelajaran koperatif yang berupaya membantu murid mengingat semula fakta penting dalam pembelajaran sirah dan mewujudkan pembelajaran aktif. Kaedah *Fan-N-Pick* membantu murid melibatkan aktiviti pembelajaran secara aktif dengan peranan yang dimainkan oleh murid. Peranan ini merupakan salah satu didikan sifat kepemimpinan, membina keyakinan diri dan menambah pengalaman murid terhadap penglibatan di dalam PdPc. Selain itu, *Fan-N-Pick* dapat memupuk kemahiran sosial murid kerana pembelajaran koperatif dalam *Fan-N-Pick* menerapkan elemen komunikasi, kreativiti dan kerjasama. Kaedah ini juga dapat menarik minat murid mempelajari sirah Pendidikan Islam. Secara tidak langsung, motivasi diri mereka dapat ditingkatkan melalui aplikasi penggunaan *Fan-N-Pick* dalam Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam hendaklah memiliki elemen kreativiti dan inovatif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Islam, khususnya dalam pembelajaran sirah agar dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang dapat memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Kesedaran ini adalah dibina daripada penghayatan peristiwa sirah dalam Pendidikan Islam.

#### 5.0 RUJUKAN

- Abdul Halim, Dayana Farzeeha, Mahani Mokhtar & Umar Haiyat. (2017). Mathematics teachers' level of knowledge and practise on the implimentation of higher-order thinking skills (HOTS). *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(1), 3-17.
- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: Harapan dan cabaran. *Kertas Kerja Ucapan Utama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8) Kuala Lumpur*.
- A.Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* Vol. 5 9(1): 53-60
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa melayu *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 39-45
- Ahmad Fauzi. (2017). Upaya Meningkatkan Prestasi Belajar Mata Pelajaran Sirah Nabawiyah Dengan Metode Mind Mapping Pada Siswa Kelas Ix Di Pondok Pesantren Smp It Assalaam Masaran

- Sragen Tahun Ajaran 2017/ 2018. Tesis Sarjana Pendidikan Islam. Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. (2010). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia. *Proceeding of The 4th International Conference; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*: 321-329.
- Azniwati Abdul Aziz, Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mohammad Hikmat Shaker & Azlina Mohamed Nor. (2016). teaching technique of islamic studies in higher learnin institutions for non-arabic speakers: experience of faculty of quranic and sunnah studies and tamhidi centre, Universiti Sains Islam Malaysia, *Universal Journal of Educational Research* 4(4): 755-760.
- Etistika Yuni Wijaya, Dwi Agus Sudjimat & Amat Nyoto. (2016). Transformasi pendidikan abad 21 sebagai tuntutan pengembangan sumber daya manusia di era global. *Prosiding Seminar*.
- Frianto. (2016). The implementation of cooperative learning model team game taurnament and fan-n-pick to enhance motivation and social studies learning outcomes. *IOSR Journal Of Humanities And Social (IOSR-JHSS) Volume 21(5)*: 74-81
- Hakim, A.R. (2012). Peningkatan Hasil Belajar dan Harga Diri (Self Esteem) Melalui Pembelajaran Kooperatif Kolaborasi Model Fan-N-Pick dan TGT. Tesis Sarjana. Universiti Negeri Malang.
- Halim Arifin. (2013). Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Pemahaman Bacaan. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasfarina Abas. (2012). Tahap, Amalan dan Masalah Pengurusan Bilik Darjah Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Segamat, Johor. 1–20.
- Hussein Ahmad dan Mohammed Sani. (2016). Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan. Dalam *Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- James Ang Jit Eng. (2017). *Kehendak Pendidikan Abad ke-21*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki.
- Kagan, S. (1992). *Cooperative Learning Resources for Teachers*. Riverside, CA: University of California.
- Kagan, S, and Kagan, M. (2009). *Kagan Cooperative Learning*. San Clemente; Kagan Publisher.
- Kurniawan, H. & Andian, A.I. (2012). penerapan metode pembelajaran kooperatif teknik thinkpairshare untuk meningkatkan motivasi belajar akuntansi kompetensi dasar menghitung mutasi dana kas kecil siswa kelas x akuntansi 2 smk negeri 7 Yogyakarta tahun ajaran 2011/2012, *Jurnal Pendidikan Akuntansi*. Indonesia.
- Maariwuth, A. (2014). Implementasi Model Pembelajaran Koperatif Tipe Fan-n-Pick dengan Media Visual Untuk Meningkatkan Motivasi Dan Hasil Belajar IPA. Malang: Pascasarjana Universiti Negeri Malang.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (2008). *Fiqh Al-Sirah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis & Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. (2017). pendidikan rohani berasaskan sains al-quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(1) January 2017*, 64-77.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Talhah Ajmain & Engku Zarihan Engku Abdul Rahman. (2017). Teachers' practise of higher order thinking skills in the lesson of islamic education. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(2), 1-13.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan & Mohd As'ed Shamsuddin. (2013). Amalan Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Asas Vokasional. *Technology, Education, and Science International Conference (TESIC)*. Fakultas Pendidikan Teknikal dan Vokasional. UTHM, Johor.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi “Konsep 4C” Pembelajaran Abad ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ) 1(1)*: 45–65.
- Purwanto. (2013). *Psikologi Pendidikan*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Riyadi. (2016). The Implementation of Cooperative Learning Model Fan-N-Pick and Quick on the Draw to Enchance Social Competence and Cognitive Learning Outcome For Social Studies, *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS) Volume 21, Issue 4*: 90-96
- Sanjaya. (2014). *Strategi Pembelajaran Berorientasi Standar Proses Pendidikan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.

- Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian. (2013). Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa* 1(2): 292-312.
- Siti Aisyah Ibrahim & Hafizhah Zulkifli. (2020). Penggunaan kaedah circle time dalam meningkatkan kemahiran membaca bacaan mad asli dan mengenal mad asli. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*. Volume: 1 (1), 2020.
- Torrance, E.P., & Safter, H. T. (1990). *The Incubation Model of Teaching*. New York: Bearly Limited.
- Torrance, Ellis Paul. (1961). *Guiding Creative Talent*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice- Hall.
- Umi Kalthom Mahbib dan Ahmad Bin Esa. (2014). Kaedah koperatif sebagai pilihan kelas abad ke 21: sorotan literature. *International seminar on Technical and vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*
- Zuriawahida Zulkifli. (2016). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Menyelesaikan Masalah Dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional Dalam Ptv). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.